



KENYATAAN MEDIA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

SIRI 15/2020

PAKEJ STIMULUS INDUSTRI KECIL SEDERHANA TV AL-HIJRAH

(PSIKS – TVAH) BERNILAI RM7.65 JUTA

1. COVID-19 memberi impak yang ketara kepada ekonomi negara termasuk segmen Industri Kecil Sederhana (IKS) yang merupakan antara nadi utama negara dan menyebabkan banyak pengusaha IKS gulung tikar. Ramai yang tidak mampu untuk menanggung operasi syarikat berikutan ketiadaan jualan (terutamanya perniagaan *offline* yang mempunyai kedai fizikal) dan meneruskan operasi syarikat kerana tiada bajet untuk meneruskan promosi / pengiklanan produk mereka.
2. Atas rasa tanggungjawab bagi menyahut seruan #MUSAADAHCOVID19, TV Al-Hijrah yang merupakan agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah melancarkan Pakej Stimulus Industri Kecil Sederhana TV Al-Hijrah (PSIKS – TVAH). PSIKS – TVAH dilancarkan dengan tujuan membantu usahawan dan pemilik perniagaan agar dapat mengekalkan perniagaan mereka melalui rangkaian promosi dan pengiklanan yang diperkenalkan dalam PSIKS-TVAH dengan nilai *air-time* RM30, 000 per usahawan.
3. Dengan nilai sumbangan *airtime* keseluruhan sebanyak RM7.65 juta, ia bakal memberi manfaat kepada pelbagai pengusaha IKS seperti segmentasi kosmetik, makanan kesihatan, agensi pelancongan & umrah, perkhidmatan, fesyen, peralatan rumah dan lain-lain.
4. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak TV Al-Hijrah atas usaha yang amat bermakna ini kepada usahawan IKS. Semoga kabus “demam ekonomi” ini akan pergi.

YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

3 APRIL 2020 BERSAMAAN 9 SYAABAN 1441H